

WASIAT DAN HIBAH: HUKUM DAN PROSEDUR¹

Dr Akmal Hidayah Halim²

Pengenalan

Mengurus dan merancang harta adalah sangat digalakkan di dalam Islam. Di dalam sesetengah keadaan, pengurusan harta pusaka bukan lagi merupakan satu pilihan tetapi adalah satu keperluan terutama apabila wujud keadaan di mana pelaksanaan sesuatu perkara itu wajib kita tunaikan. Dalam konteks ini, Islam membenarkan kita untuk melupuskan harta atau memberi manfaat kepada orang-orang tertentu melalui instrumen wasiat dan hibah. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kedua-dua instrumen ini adalah tertakluk kepada hukum syarak dan tidak boleh sewenang-wenangnya digunapakai apatah lagi ianya mungkin akan mengundang kekeliruan dan perbalahan di kalangan ahli keluarga yang terdekat.

Oleh itu, kertas kerja ini akan menjelaskan sedikit sebanyak berkenaan dengan hukum wasiat dan hibah dan juga prosedur yang terpakai bagi pentadbiran harta pusaka di Malaysia amnya, dan bagi pelaksanaan wasiat dan hibah khasnya.

Definisi Wasiat

Dari sudut bahasa, perkataan wasiat berasal dari perkataan '*wassa*' yang bermaksud meyambung/meyampaikan/memberikan hak pemilikan selepas kematian. Dari perspektif undang-undang pula ianya ditafsirkan sebagai *iqrar* (pengakuan) seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan mengikut hukum Syarak, selepas selepas seseorang itu mati.

Hukum Wasiat

Pada peringkat awal kedatangan Islam, mewasiatkan kesemua harta kepada ibu bapa dan sanak saudara adalah wajib. Dalilnya Firman Allah:

"Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan ugama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa."

(Al-Baqarah:180)

Namun demikian, kewajipan berwasiat ini telah dimansuhkan dengan ayat-ayat dan hadis-hadis yang berkaitan pusaka. Walaupun begitu amalan ini masih digalakkan dengan had maksima 1/3 dan ditujukan kepada selain pewaris. Berdasarkan pendapat majoriti fuqaha adalah harus berwasiat berdasarkan hadis:

"Seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur selama dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya"

(Sahih Bukhari)

¹Kertas kerja yang dibentangkan di "Seminar Wanita dan Syariah: Mengurus Harta Bukan Sekadar Merancang Kewangan," bertempat di Mahkamah Mut, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 17 November 2013.

² Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau boleh dihubungi melalui akmalh@iium.edu.my.

Meskipun tidak diwajibkan, hukum wasiat akan bertukar menjadi wajib jika terdapat keadaan di mana ada keperluan bagi pemulangan barang pinjaman, pembayaran hutang yang tidak diketahui oleh ahli waris serta tanggungan seperti haji, zakat, fidyah puasa dan lain-lain. Sunat berwasiat kepada kaum keluarga yang tidak layak mewarisi dan untuk tujuan kebajikan. Manakala hukum berwasiat adalah harus jika penerima wasiat terdiri dari kalangan orang-orang kaya. Wasiat adalah makruh jika dibuat untuk orang-orang fasik dan sentiasa melakukan maksiat. Adalah haram jika sesuatu wasiat dibuat untuk tujuan yang bercanggah dengan hukum syarak dan memudaratkan.

“Wasiat-wasiat tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudharat (kepada waris-waris). (setiap satu hukum itu) ialah ketetapan dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.”

(Al-Nisa’:12)

Had Wasiat

- Penerima wasiat mestilah bukan ahli waris (yang layak mewarisi-faraid)
 - *“Sesungguhnya Allah telah memberikan kepada setiap orang berhak akan haknya, maka tidak boleh berwasiat untuk ahli waris”*
(Abu Daud, Ibn Majah dan Tirmizi)
- Tidak melebihi 1/3 harta si mati
 - Hadis: Saad bin Abu Waqqas berkata:
“Rasulullah s.a.w menziarahiku ketika aku sedang sakit tenat dan hampir mati. Aku berkata: Wahai Rasulullah, aku kini sedang tenat dan aku seorang yang berharta sedangkan aku tiada waris kecuali seorang anak perempuan. Apakah boleh aku bersedekah 2/3 hartaku? Jawab baginda: Tidak. Aku bertanya: Apakah boleh aku bersedekah 1/2 hartaku? Jawab baginda: Tidak, 1/3 sahaja, itupun sudah banyak. Adalah lebih baik sekiranya engkau meninggalkan waris-waris engkau dalam keadaan kaya daripada engkau tinggalkan mereka dalam keadaan miskin meminta-minta daripada orang ramai”.

Pembatalan wasiat (S. 12 Enakmen Wasiat Selangor)

- Pewasiat menjadi kurang siuman dan mati dalam keadaan tersebut
- Penerima mati sebelum pewasiat
- Perkara yang diwasiatkan telah musnah sebelum kematian pewasiat
- Pewasiat menarik balik wasiatnya
- Penerima dengan sengaja telah menyebabkan kematian pewasiat. (S.14)

Isu-isu

- Wasiat bagi ahli waris – persetujuan sebelum kematian pewaris
- Wasiat untuk orang bukan Islam

Definisi Hibah

Al-Khatib al-Syarbini dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*, Juz 2, Dar al-Fikr, ms 396, ada menyebutkan bahawa memberi milik sesuatu barang tanpa adanya sebarang tukaran pada masa hidup secara sukarela adalah suatu hibah. Oleh itu, hibah adalah merupakan sesuatu pemberian kepada seseorang secara langsung sebagai penghargaan kepada orang yang menerimanya atau kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya. Dalam erti kata lain, ianya merupakan pemindahan hak milik tanpa sebarang balasan, ketika masih hidup dan secara sukarela. Nas al-Quran berkaitan hibah adalah:

Maksudnya: *Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah dan hari akhirat, dan sekalian malaikat dan segala kitab dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi.* (Surah al-Baqarah (2):177)

Ayat ini merangkumi pemberian kepada orang memerlukan dan yang tidak memerlukannya. Pemberian kepada orang memerlukan ialah sedekah dan yang tidak memerlukan ialah hibah. (Re Abdul Rahman bin Hj Ahmad & Ors [2013] 1 SHLR 51.

Hukum dan Hikmah Hibah

Dari segi hukum, hibah adalah amalan sunat dan digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga yang terdekat.³ Hikmah di sebalik pemberian hibah adalah membebaskan seseorang dari belenggu haloba, kedekut, jiwa yang lemah dan mementingkan diri. Ia membebaskan jiwa dari kesayangan kepada harta yang selalu menahan tangan dari berderma, menahan hati dari bermurah hati dan menahan jiwa dari kebebasan.⁴

Rukun Hibah

Rukun-rukun hibah terdiri dari Pemberi hibah, Penerima hibah, barang yang dihibahkan dan Ijab dan qabul. Antara syarat-syarat pemberi hibah adalah mesti merupakan pemilik kepada harta yang hendak dihibahkan dan orang layak yang memberi sumbangan. Di dalam perkara ini, perlu ditekankan bahawa seseorang penjaga/wali/pemegang amanah tidak boleh memindahkan harta orang di bawah jagaan/perwalian/benefisiari.

Bagi penerima hibah pula, seseorang itu mestilah berkelayakan untuk menerima hak milik pemberian tersebut. Penerimaan hibah boleh dibuat oleh Penjaga/wali jika penerima hibah adalah bagi kanak-kanak, orang kurang siuman ataupun orang yang tiada kelayakan undang-undang untuk menerima barang hibah tersebut.

Barang yang menjadi subjek hibah pula hendaklah bermanfaat, bernilai, boleh dijual beli dan wujud semasa akad hibah. Manakala bagi ijab dan qabul pula, kedua-duanya mestilah

³ Wahbah al-Zuhayli, *Al-fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 5, , Dar al-Fikr, 1997, hlm. 3981.

⁴ Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilal al-Quran*, Jld 1, terjemahan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob, Pustaka Aman Press Sdn Bhd, tahun 2000, hlmn 369 menjelaskan mengenai hikmah hibah (dipetik dari penghakiman kes *Zanani binti Mohd Noor lwn. Awang bin Merah dan Satu Yang Lain* (2008) 26 JH 241 hlmn 249).

berkesinambungan dengan adanya kata-kata secara langsung atau tidak langsung) yang menyatakan pemberian dan penerimaan hibah. Tidak sah hibah yang bersyarat sebagai contohnya dengan melafazkan “kalau A datang, saya akan hibahkan buku ini kepada awak”. Ijab yang bertempoh juga tidak sah umpamanya pemberi hibah mengatakan “Saya hibahkan buku ini selama sebulan.”

Pemilikan (*qabd*)

Hibah tidak sempurna hanya melalui ijab dan qabul sahaja. Pemilikan ke atas harta hibah tersebut oleh penerima hibah juga perlu dibuktikan. Tanpa pemilikan, hibah dilihat sebagai tidak dikuatkuasakan (pemindahan hak milik tidak dikuatkuasakan serta merta) Ini berdasarkan kepada sebuah kisah yang diriwayatkan oleh Aishah bahawa bapanya Abu Bakar memberikannya hadiah sebanyak 20 wasaq. Ketika bapanya sedang nazak beliau berkata,

“Demi Allah, tiada siapa yang lebih aku suka dia hidup kaya selepas kematianku selain engkau. Dan tiada siapa yang lebih sedih jika dia hidup miskin selepas kematianku selain engkau. Aku telah berikan kepada engkau 20 wasaq, jika engkau ambil dan menjaganya ia adalah milik engkau. Tetapi hari ini, ia adalah harta waris”

Penerimaan dan pemilikan ini boleh berlaku secara langsung, sebagai contohnya apabila berlaku pemindahan atau pertukaran nama pemilik harta. Ia juga boleh berlaku secara tidak langsung yakni apabila harta tersebut telah didiami atau diterokai dengan keizinan pemberi hibah.

Penarikan Balik atau Pembatalan Hibah

Sesuatu hibah yang telah sempurna rukunnya akan berkuatkuasa serta merta dan tidak boleh ditarik balik. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. bahawasanya-

“Orang yang meminta semula anugerahnya sama seperti orang yang menjilat semula muntahnya”.

Di dalam satu hadis lain Rasulullah bersabda,

*“Tidak halal bagi seorang lelaki memberikan sesuatu pemberian, atau menganugerahkan sesuatu kemudian dia memintanya semula kecuali bapa meminta semula apa yang diberikan kepada anaknya”.*⁵

Adalah jelas bahawa sesuatu hibah tidak boleh ditarik balik melainkan hibah daripada seorang bapa kepada anaknya. Tafsiran bapa ini termasuklah ibu dan datuk tetapi tidak termasuk ibu atau bapa angkat. Perkara ini telah di putuskan di dalam kes *Eshah binte Abdul Rahman v. Azuhar bin Ismail* (1997) 11 JH 219. Di dalam kes ini, plaintif mengambil Defendan sebagai anak angkat sejak defendan berumur 4 hari dan memelihara defendan sehingga defendan mendapat ijazah. Plaintif telah memindah milik sebidang tanah kepada defendan dengan harapan defendan dapat membantu dan menolong plaintif dan defendan berjanji untuk memberi RM300 sebulan kepada plaintif. Apabila hubungan plaintif dan defendan renggang, plaintif menuntut untuk mengambil semula tanah yang telah dipindahmilik kepada defendan. Mahkamah menolak tuntutan plaintif kerana harta yang dituntut adalah hakmilik defendan yang sah dari segi undang-

⁵ Hadith riwayat Ahmad dan empat perawi lain dan disahkan oleh Turmuzi, Ibn Hibban dan al-Hakim Hadith ini boleh dirujuk kepada Muhammad bin Ismail al-Sanani, Subul al-Salam, Jil 3, Dar al-Rayyan li al-Turath, al-Qahirah, (Cetakan Keempat), 1978M/1407H, ms 192.

undang dan Hukum Syara'. Undang-undang Islam menjelaskan bahawa pemberian hadiah/hibah tidak boleh ditarik balik melainkan pemberi adalah ayah atau ibu. Ibu angkat tidak termasuk di dalam pengecualian ini, dan oleh itu hadiah tidak boleh ditarik balik. Tambahan pula, tanah yang dihadiahkan telah dimajukan (membina rumah-rumah) oleh penerima iaitu defendan dan dengan demikian berlakunya pertambahan yang tidak terpisah daripada barang yang diberi. Ini menjadi halangan untuk menarik balik hadiah yang diberi.

Walaupun bagaimanapun jika barang yang hendak dihibahkan itu belum diserahkan ataupun diterima oleh penerima hibah, penarikan balik masih boleh dibuat kerana syarat hibah masih belum dipenuhi.

Hibah secara saksama kepada anak-anak

Islam amat menggalakkan pemberian sama rata/adil kepada anak-anak kerana ianya akan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Tidak digalakkan atau makruh membezakan antara mereka kerana akan menimbulkan perasaan hasad dengki dan meruntuhkan hubungan kekeluargaan. Berdasarkan hadis yang bermaksud-

Diriwayatkan bahawa Al-Nukman bin Bashir r.a. berkata: "Aku telah diberikan oleh bapaku suatu pemberian dan Umrah binti Rawahah berkata: "Aku tidak akan merestuinnya kecuali engkau membuat pengakuan di hadapan Rasulullah s.a.w". Lalu bapaku pergi bertemu Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Aku telah beriklan sesuatu kepada anak lelakiku yang juga anak Umrah binti Rawahah tetapi ibunya meminta aku membuat pengakuan dihadapanmu wahai Rasulullah". Baginda bersabda: "Adakah engkau berikan barang yang sama kepada semua anakmu?" Bapaku menjawab: "Tidak". Rasulullah s.a.w. bersabda: "Takuti Allah dan bersikap adil dengan semua anak2mu". Lalu dia pun balik dan mengambil semula pemberian itu.

Dari segi keabsahannya, hibah sebegini sah tetapi tidak digalakkan. Walaupun bagaimanapun keadaan ini bergantung jika keperluan mereka sama atau mereka tidak bersetuju dengan perbezaan tersebut. Jika ada di kalangan anak-anak yang lebih memerlukan dan anak-anak lain reda dengan pemberian tambahan tersebut, hibah tersebut tidak makruh.

Prosedur Pentadbiran Harta Berwasiat dan Harta Hibah

Secara umumnya, terdapat tiga badan pentadbiran yang mempunyai bidangkuasa secara terus untuk mentadbirkan harta pusaka si mati. Badan-Badan ini terdiri dari Mahkamah Tinggi Sivil, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil dan juga Amanah Raya Berhad. Bidangkuasa badan-badan ini berbeza bergantung kepada nilai dan jenis harta yang ditinggalkan simati.

Mahkamah tinggi berbidangkuasa untuk mengeluarkan geran probet di dalam kes harta berwasiat. Sehubungan dengan itu, Mahkamah Tinggi (MT) juga berbidangkuasa untuk mendengar kes-kes berkaitan dengan kesahihan sesuatu wasiat kecuali untuk wasiat orang Islam. Namun demikian, jika terdapat perlantikan wasi ataupun 'executor' di dalam wasiat seseorang Islam, wasi tersebut perlu memohon geran probet dari MT dan bukannya dari Mahkamah Syariah. MT juga berbidangkuasa untuk mengeluarkan surat kuasa mentadbir (LA) untuk harta tidak berwasiat yang nilainya melebihi RM2juta (jika harta si mati terdiri dari harta tak alih dan harta

alih – bukan pusaka kecil). Jika harta si mati hanya mengandungi harta alih sahaja, MT berbidangkuasa untuk mentadbir harta yang nilainya lebih dari RM600,000.00.

Bagi Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil pula, badan ini berbidangkuasa untuk mentadbir harta tidak berwasiat yang nilainya kurang dari 2 juta. Harta si mati pula mestilah mengandungi harta tak alih. Pentadbiran harta adalah tertakluk kepada Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1955.

Amanah Raya Berhad pula berbidangkuasa untuk mentadbir harta tak berwasiat yang nilainya tidak melebihi RM600,000 dan keseluruhan harta si mati mestilah harta alih sahaja. ARB boleh bertindak sebagai ‘personal representative’ kpd harta si mati jika dipersetujui oleh waris-waris. ARB juga bertindak sebagai pemegang amanah kepada harta-harta yang tidak dituntut dan juga harta ‘minor’ (bawah umur 18 tahun).

Manakala Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa terus untuk memerintahkan pembahagian harta simati. Namun demikian mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan sijil faraid dan untuk menentukan isu-isu substantif berkenaan dengan wasiat, hibah, keturunan dan lain-lain lagi.

Oleh itu, sekiranya si mati mati berwasiat dan melantik pentadbir atau wasi yang akan menguruskan hartanya, permohonan untuk geran probet haruslah dibuat di Mahkamah Tinggi. Akan tetapi jika terdapat pertikaian berkenaan dengan kesahihan sesuatu wasiat, ianya hendaklah dirujuk ke Mahkamah Syariah. Prosedur yang sama juga terpakai kepada hibah. Berdasarkan amalan pada masa sekarang, terdapat kes-kes di mana pemberi hibah telah memohon untuk terus membuat pengesahan hibah semasa hayatnya. Cara ini akan lebih memudahkan ahli waris-waris dan seterusnya akan mempercepatkan proses pentadbiran harta pusaka si mati.

Penutup

Daripada perbincangan di atas dapatlah kita simpulkan bahawa wasiat dan hibah adalah dua bentuk instrumen yang boleh digunakan dalam perancangan dan pengurusan harta. Namun demikian, ianya juga adalah jelas bahawa wasiat mahupun hibah tidak memberi kita kuasa untuk menentukan siapakah yang akan mewarisi harta pusaka selepas kematian kita. Ini adalah kerana setelah matinya seseorang itu, pembahagian hartanya adalah tertakluk kepada hukum faraid. Ini adalah berdasarkan firman Allah s.w.t yang bermaksud-

*Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati. dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. dan bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya: satu perenam dari harta Yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang Yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. kalau pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat Yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. **Ibu-bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya Yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan***

bahagian masing-masing seperti Yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

(Al-Nisa(4):11)

Walau dalam keadaan apa sekalipun, perancangan kita sudah tentunya tertakluk kepada ketetapan Allah s.w.t. Sebagai manusia, kita tidak dapat menentukan siapakah di kalangan ahli waris kita itu lebih bermanfaat kepada kita kerana semua perkara yang akan berlaku di masa depan adalah di bawah ketentuan Allah s.w.t. Merancang sesuatu pengurusan harta itu adalah sangat digalakkan dalam Islam namun ada batas-batas hukum syarak yang perlu kita patuhi dalam memastikan bahawa kita tidak mencabuli hak-hak ahli waris yang telah dijamin di bawah undang-undang pewarisan harta Islam.

~Wallahu a'lam~